



مجلس سندی کلاڻ
Majlis Perbandaran Klang



SEMINAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN HIJAU DAERAH KLANG 2016

Tarikh : 18hb Oktober 2016 (Selasa)
Masa : 8.30 pagi - 4.30 petang
Tempat : Emerald Ballroom, Hotel Goldcourse
No. 9, Jalan Pasar, 41400 Klang
Selangor Darul Ehsan

MASUK PERCUMA
TIADA YURAN PENDAFTARAN



LATAR BELAKANG

Seminar ini dijalankan adalah sejajar dengan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 – 2018 iaitu meningkatkan pelaburan hijau dan ekonomi hijau di Negeri Selangor disamping menerapkan budaya hijau bagi menambah baik kualiti dan gaya hidup rakyat khususnya kepada golongan usahawan dalam mengeluarkan sesuatu produk dan perkhidmatan mesra alam.

Program MyHijau merupakan satu mekanisme dan inisiatif Kerajaan bagi mempertingkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan hijau tempatan selaras dengan aspirasi, matlamat dan objektif Dasar Teknologi Hijau Negara. Program MyHijau berasaskan konsep pembangunan lestari (*Sustainable Development*), memberi tumpuan kepada pengeluaran lestari (*Sustainable Production*) khususnya dalam mengalakkan pembuat, pengeluar dan pembekal mengeluarkan produk dan perkhidmatan mesra alam dan mencegah pencemaran serta penggunaan lestari (*Sustainable Consumption*) iaitu tumpuan kepada pengguna dan pembeli dengan mempromosikan pasaran hijau serta mengalakkan penggunaan produk dan perkhidmatan hijau.

MyHijau Keusahawanan bertujuan untuk mempromosikan dan memberi kesedaran awam, bantuan serta khidmat nasihat dalam usaha Kerajaan meningkatkan pembangunan kapasiti dan keupayaan syarikat dan usahawan tempatan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau dan mendapatkan pelabelan hijau bagi meningkatkan daya saing syarikat dan usahawan tempatan di pasaran global.

SIAPA YANG PERLU HADIR

- a. Golongan IKS dan PKS
- b. Pekilang
- c. Usahawan
- d. Agensi Kerajaan
- e. Orang Perseorangan



OBJEKTIF PROGRAM

- Merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di dalam pembangunan Teknologi Hijau di Malaysia ianya selaras dengan pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau serta halatuju Penggunaan & Pengeluaran Mampan.
- Mewujudkan lebih banyak syarikat dan perniagaan tempatan di dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan hijau disamping mendapat pengiktirafan MyHijau Mark (Pensijilan label hijau) dan memenuhi pasaran tempatan mahupun di luar negara.
- Menggalakkan serta meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar melalui amalan hijau serta konsep penggunaan dan pengeluaran mampan.
- Memberi pendedahan kepada usahawan tentang bantuan khidmat bimbingan, peluang perniagaan, pembiayaan, pembangunan produk Myhijau dan pasaran.
- Untuk membantu para usahawan IKS dan PKS untuk terlibat secara langsung dalam industri Teknologi Hijau.

ATURCARA PROGRAM

MASA	PERKARA
08.30 – 09.30 Pagi	: Pendaftaran Peserta
09.30 – 10.00 Pagi	: <i>Ucapan Perasmian</i> YBhg. Dato' Mohamad Yasid bin Bidin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang
10.00 – 10.30 Pagi	: Minum Pagi
10.30 – 11.15 Pagi	: <i>Taklimat 1:</i> Pembangunan PKS & Keusahawanan Hijau Di Malaysia Oleh: Malaysia Green Technology Corporation
11.15 – 12.00 Tghari	: <i>Taklimat 2:</i> Kemudahan & Galakan Kerajaan Di dalam Sektor Teknologi Hijau Oleh: Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
12.00 – 12.45 Tghari	: <i>Taklimat 3:</i> Pensijilan Hijau Di bawah Skim Pelabelan Eko. Oleh: SIRIM Qas International Sdn Bhd
12.45 – 1.00 Ptg	: Sesi soal jawab
1.00 – 2.00 Ptg	: Makan Tengahari / Solat
2.00 – 2.45 Ptg	: <i>Taklimat 4:</i> Pembiayaan & Peluang Perniagaan PKS di Malaysia. Oleh: SME Corporation Malaysia.
2.45 – 3.30 Ptg	: <i>Taklimat 5:</i> Usahawan Berjaya dalam Teknologi Hijau Oleh: Bina Intergrated Industries Sdn Bhd
3.30 – 4.00 Ptg	: Sesi soal jawab
4.00 – 5.00 Ptg	: Minum Petang / Bersurai

BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN



Urusetia :

SEMINAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN HIJAU DAERAH KLANG 2016

Unit Pelaburan, Jabatan Perancang Bandar
MAJLIS PERBANDARAN KLANG.

Tingkat 1, Blok A, Pusat Perniagaan Jalan Raya Barat
41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.

(u:p : En. Mohd Fharulisa Md Isa)

Tel Bimbit : 012 269 2234

Tel : 03-3375 7888 Faks : 03-3371 0690

Email : fharulisa@mpklang.gov.my / fharulisa@gmail.com

Program SEMINAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN HIJAU DAERAH KLANG 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa saya akan *Hadir/Tidak Hadir ke **SEMINAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN HIJAU DAERAH KLANG 2016**, Majlis Perbandaran Klang.

IKS / PKS / PEKILANG / USAHAWAN / AGENSI KERAJAAN / NGO / ORANG PERSEORANGAN :

Bil	Nama	Jawatan	No. Tel
1.			
2.			

Tel : _____

Faks : _____

Email : _____

Sekian, Terima kasih.

**Sila Kembalikan Borang
Pengesahan Penyertaan
Kepada Urusetia Pada
Atau sebelum
10 Oktober 2016 (Isnin)**

(Tandatangan)

Urusetia Lain :

Pn. Rohani bte Mat : 03-3375 7848

Pn. Kalyani Devi A/P Rajendran : 03-3375 7854

Pn. Fazilah bte Abu : 03-3375 7853

